

GARIS PANDUAN PEMILIK BOT YANG TERLIBAT DI DALAM AKTIVITI PERIKANAN REKREASI KELAUTAN

- 1.1. Setiap pemancing dibenarkan membawa maksimum tiga (3) joran sahaja dalam satu – satu masa. Peralatan selain dari joran adalah tidak dibenarkan dibawa di atas vesel;
- 1.2. Tempoh masa yang dibenarkan adalah daripada jam 6.00 pagi sehingga 7.00 petang sahaja;
- 1.3. Kawasan yang dibenarkan adalah di dalam perairan perikanan Malaysia kecuali di perairan kelautan yang diwartakan sebagai kawasan larangan penangkapan ikan atau taman laut atau kawasan larangan dibawah mana-mana Akta di Malaysia;
- 1.4. Aktiviti penangkapan ikan rekreasi kelautan ini bukan tujuan sara diri atau komersial;
- 1.5. Merekod suhu semua yang terlibat disebelum serta mengambil butiran penumpang meliputi nama penuh dan nombor telefon di dalam buku log pergerakan operasi serta merekod masa dan tarikh operasi setiap masa. Digalakkan memakai topeng muka setiap masa
- 1.6. Memastikan mana-mana orang yang bergelaja tidak terlibat di dalam aktiviti dijalankan
- 1.7. Memastikan penjarakan sosial satu (1) meter sebelum menaiki bot, memastikan penjarakan sosial terbaik dilaksanakan sepanjang masa di atas bot dan ketika keluar daripada bot
- 1.8. Tidak membawa pemancing melebihi had yang dibenarkan
- 1.9. Wajib menyediakan dan penggunaan had sanitiser berasaskan alkohol atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun
- 1.10. Mewajibkan pembersihan dan sanitasi kepada bot setelah aktiviti selesai tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia
- 1.11. Semua rekod berkaitan hendaklah disimpan dengan baik sekurang-kurangnya enam (6) bulan bagi tujuan pemantauan
- 1.12. Had maksimum orang yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti adalah 50% daripada kapasiti penumpang yang dibenarkan
- 1.13. Semua bot yang membawa penumpang adalah tertakluk kepada peraturan dan kelulusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia dan masih dalam tempoh sah adalah menjadi pemilik tanggungjawab pemilik bot untuk mengemukakan dokumen tersebut apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa.

Namun begitu Garis Panduan ini juga bergantung kepada pengurusan dan arahan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan dari masa ke semasa